

TEKS UCAPAN

YANG MULIA,
AWANG HAJI MARZUKE BIN HAJI MOHSIN
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN

SEMPENA KONVENTSYEN KUMPULAN KERJA
CEMERLANG
PERINGKAT KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KALI KE 21
BAGI TAHUN 2018

Pada Hari Rabu,
17 Zulhijjah 1439H / 29 Ogos 2018M

Bertempat;
DEWAN INDERA PAHLAWAN
PUSAT UJIAN KEMAHIRAN KERJA DAN LATIHAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
سَيِّدُنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَى الْمَوْلَى وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

ALHAMDULILLAHI RABBIL AALAMIIN
WASALAATU WASSALAMU ALAA ASHRAFIL 'ANBIA
WALMURSALIIN
SAIDINAA MUHAMMAD WAALAA ALIHI WASAHBIHI
'AJMAIIN

Yang Mulia
Awang Mohamad Iskandar bin Haji Idris
Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan
Kementerian Pembangunan
Selaku Timbalan Pengerasi Majlis

Yang Mulia
Dayang Dr Norimtihan binti Haji Abdul Razak
Setiausaha Tetap
Kementerian Pembangunan

Yang Mulia

Awang Haji Amer Hishamuddin bin POKAP DSS Haji Zakaria
Setiausaha Tetap
Kementerian Pembangunan

Yang Mulia

Dayang Hajah Norhayati binti Haji Mohd Yaakub
Timbalan Setiausaha Tetap
Kementerian Pembangunan

Yang Mulia

Ir. Dayang Hajah Siti Aidah binti Haji Mohammad
Timbalan Setiausaha Tetap
Kementerian Pembangunan

Yang Mulia

Panel-Panel Penilai yang diundang khas

Yang Mulia

Ketua-Ketua Jabatan, Ketua-Ketua Divisyen Ketua-Ketua Unit, Pegawai-Pegawai Kanan, Warga-Warga Kementerian Yang Hadir Dan Para Peserta Konvensyen Pada Tahun Ini.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejehtera

Alhamdullilah, kita tambatkan rasa syukur kehadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia serta rahmatnya juga telah mengizinkan kita dapat hadir ke majlis yang bermanfaat ini, iaitu Majlis Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) Peringkat Kementerian Bagi Tahun 2018.

Konvensyen KKC bagi tahun 2018 ini adalah merupakan program tahunan Kementerian Pembangunan dan pada tahun ini adalah bagi kali ke 21 semenjak ianya mula diadakan pada tahun 1998. Ianya adalah salah satu inisiatif Kementerian dalam usaha untuk meningkatkan lagi produktiviti dan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan Kementerian dan orang ramai secara amnya, selaras dengan Pelan Strategik Kementerian Pembangunan yang mendokong matlamat Wawasan Brunei 2035.

Kementerian Pembangunan perlu berbangga dengan pencapaian dan rekod penyertaan kumpulan-kumpulan KKC dari Kementerian yang telah menyertai Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang di peringkat Nasional. Semenjak tahun 2015 hingga tahun 2017, iaitu bagi tempoh 3 tahun berturut-turut, kumpulan KKC kita telah berjaya memenangi tempat pertama, kedua dan ketiga setiap tahun. Tidak kurangnya, pada tahun 2013 dan tahun 2014, kumpulan-kumpulan KKC Kementerian juga berjaya meraih tempat perak dan gangsa pada tahun-tahun tersebut. Secara amnya, ini menunjukkan budaya menggunakan kaedah KKC sebagai wadah pengurusan yang berkesan dalam

meningkatkan kualiti kerja dan di dalam melaksanakan pembaharuan, adalah ketara di Kementerian Pembangunan.

Walaubagaimanapun, kaedah KKC belumlah dapat disifatkan sudah menjadi budaya ‘ministry wide’, memandangkan mengikut rekod kejayaan penyertaan di Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang di Peringkat Nasional, dari 15 jumlah kumpulan KKC yang telah meraih kemenangan sejak 5 tahun kebelakangan ini, 14 kumpulan adalah dari Jabatan Ukur dan 1 kumpulan dari Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

Peramba/saya juga dimaklumkan bahawa pada Konvensyen KKC pada tahun ini, hanya 2 buah jabatan sahaja yang ikut serta dan akan mempersembahkan projek-projek mereka. Sejumlah 11 buah kumpulan telah bertanding, iaitu 10 kumpulan dari Jabatan Ukur dan 1 pasukan dari Jabatan Kerja Raya.

Ini jelas menunjukkan Jabatan Ukur telah berjaya membudayakan kaedah KKC sebagai satu kaedah yang perlu digunakan bagi sebarang pembaharuan di jabatan tersebut, dan ianya perlu dicontohi dan dijadikan sebagai ‘role model’ bagi organisasi-organisasi lain di bawah Kementerian Pembangunan.

Alhamdulillah, penyertaan jumlah kumpulan KKC pada tahun ini telah menampakkan peningkatan dari jumlah penyertaan berbanding pada tahun lepas yang mana hanya 6 buah kumpulan KKC menyertai Konvensyen KKC peringkat Kementerian. Jika dibandingkan pada tahun 2016 penyertaan kumpulan KKC amatlah menggalakan dari segi jumlah dan penyertaan dari jabatan-jabatan lain, iaitu 7

kumpulan dari Jabatan Ukur, 1 kumpulan dari Jabatan Tanah dan 3 kumpulan dari Jabatan Kerja Raya.

Peramba/saya menyarankan supaya penggunaan kaedah KKC diperluaskan di semua jabatan-jabatan dan divisyen-divisyen di bawah Kementerian Pembangunan bagi sebarang pembaharuan, di antaranya untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada orang ramai.

Mengambil iktibar dari kejayaan Jabatan Ukur menapak budaya KKC dalam proses pembaharuan dan di kalangan warga jabatan, salah satu usaha bagi meningkatkan lagi penggunaan kaedah KKC secara meluas di Kementerian Pembangunan, ialah meningkatkan pemahaman konsep dan manfaat yang diperolehi yang diantaranya ialah:

- Pembaikan dan pembaharuan proses-proses kerja disetiap organisasi dengan menggunakan kaedah yang teratur dan terbukti dari segi keberkesanannya;
- Memberi peluang kepada pekerja-pekerja yang terlibat dengan perlaksanaan proses- proses untuk membuat inisiatif bagi pembaikan proses-proses masing-masing dan secara langsung melahirkan budaya ‘continuous improvement’ didalam organisasi yang aktif menggunakannya dan;
- Sedikit sebanyak melatih dan memberikan pengalaman didalam ‘presentation skill’ dikalangan peserta-peserta kumpulan KKC iaitu semasa Konvensyen KKC diadakan.

Dengan pemahaman yang lebih mendalam keatas kaedah KKC terutamanya diperingkat pengurusan atasan, akan menggalakan lebih banyak penggunaan kaedah ini serta memberikan komitmen dan ‘support’ kepada kumpulan-kumpulan KKC melaksanakan program KKC masing-masing mengikut jadual yang telah dirancang.

Apa yang perlu difahami dan lebih penting ialah objektif bagi perlaksanaan program KKC bukanlah semata-mata untuk mengikuti Konvensyen KKC sahaja, malahan yang lebih bermakna ianya adalah ‘management tools’ yang digunakan untuk memperbaiki atau membaharui proses-proses kerja kearah perkhidmatan meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan satu-satu organisasi.

Didalam kesempatan ini, peramba/saya ingin mengucapkan tahniah kepada para pemenang dan jabatan-jabatan yang telah berjaya ikut serta dalam pertandingan konvensyen kumpulan kerja cemerlang pada tahun ini dan berharap supaya projek kumpulan kerja cemerlang yang menang itu nanti akan dapat diteruskan perlaksanaannya di jabatan masing-masing dan juga dikongsikan dengan organisasi-organisasi lain sebagai proses kerja yang inovatif bagi menggantikan proses kerja yang lama.

Peramba/saya juga berharap bagi projek-projek kumpulan kerja cemerlang yang tidak terpilih sebagai pemenang supaya tidak berputus asa dan akan dapat terus memperbaiki dan tetap melaksanakannya di jabatan-jabatan berkenaan sebagai proses kerja yang baru untuk meningkatkan lagi ‘service delivery’ di jabatan masing-masing.

Bagi mengakhiri ucapan peramba/saya ini sekali lagi peramba/saya tidak lupa merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada :

- Yang Mulia, Setiausaha – Setiausaha Tetap;
- Yang Mulia, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap;
- Yang Mulia, panel – panel penilai yang dijemput;
- Yang Mulia, Ketua-Ketua Jabatan, Ketua-Ketua Divisyen, Ketua-Ketua Unit, pegawai-pegawai kanan, warga Kementerian dan para peserta- peserta Kumpulan Kerja Cemerlang pada tahun ini.

Tidak lupa juga peramba/saya merakamkan ucapan tahniah, penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada ahli-ahli Jawatankuasa Majlis kerana telah berterusan memangkin komitmen dan kesepakatan bagi mengungkayahkan Majlis yang bermanfaat ini. Semoga Allah SWT juga yang membendasnya.

**Sekian. Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wasalamu
‘Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**